

**KAJIAN TAHAP PENGLIBATAN PENEROKA RANCANGAN FELDA
KEMAHANG 1 DAN KEMAHANG 2 DALAM AKTIVITI
INDUSTRI PEMBUATAN**

Oleh

RASYIMAN AZMAWI B ABDUL RAHIM

**Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah
Fakulti Seni Bina, Perancangan Dan Ukur
Universiti Teknologi Mara
Cawangan Perak**

November 1999

PENGHARGAAN

Kesyukuran yang tidak terhingga dipanjatkan ke Hadrat Ilahi kerana dengan limpah taqzim dan inayah-Nya, penulis dapat menjayakan kajian ini dengan sempurna. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Baginda Rasulullah S.A.W dan ahli keluarga, para sahabat dan tabii'. Penulis ingin menghulurkan sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu penulis menjalankan kajian ini.

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada En. Wan Abd. Ghafar B. Wan Abd. Hamid selaku penyelia kajian ini yang banyak memberi nasihat, tunjuk ajar, komen dan pendapat kepada penulis. Ribuan terima kasih juga penulis tujukan kepada kakitangan Pejabat Rancangan FELDA Kemahang 1 dan Kemahang 2, Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah dan agensi-agensi kerajaan yang lain yang turut terlibat secara langsung dalam proses penyediaan kajian ini.

Sekalung penghargaan yang tidak terhingga penulis ucapkan kepada kedua ibu bapa tercinta yang banyak memberi nasihat, dorongan dan perangsang sehingga penulis boleh berada di tahap sekarang. Tidak ketinggalan juga ucapan penghargaan ini ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan DTRP 06 sesi Jun-November 1999, ahli rumah No. 7, Taman Maju dan semua kenalan yang mengenali diri ini. Segala pengorbanan dan jasa baik kalian akan tetap dikenang.

ABSTRAK

Pelbagai strategi dan pendekatan yang telah dan bakal dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk mewujudkan keseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dengan luar bandar. Antara pendekatan yang boleh dikatakan agak berkesan untuk mencapai matlamat tersebut ialah dengan menggalakkan aktiviti perindustrian di kawasan luar bandar. Dalam pada itu, kerajaan juga sentiasa berusaha untuk memperkenalkan dan seterusnya menggalakkan penyertaan penduduk luar bandar dalam aktiviti ini terutama sekali industri berasaskan pembuatan dan pengilangan. Kawasan skim Tanah Rancangan FELDA Kemahang 1 dan juga Kemahang 2 juga tidak terkecuali dalam hal ini. Kita dapat lihat bahawa sudah terdapat peneroka FELDA di kedua-dua Rancangan yang memberanikan diri melaksanakan aktiviti industri berasaskan pembuatan. Pada dasarnya, industri pembuatan telah lama bertapak di kawasan kajian, namun begitu tahap penyertaannya pada peringkat awal amat menyedihkan. Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini dapat dilihat bahawa ada peneroka atau penduduk di kedua-dua Rancangan sudah mula menunjukkan minat dan kecenderungan mereka untuk turut sama menjalankan aktiviti industri pembuatan ini. Daripada tinjauan yang dibuat mendapati tujuan utama peneroka yang terlibat menjalankan aktiviti industri pembuatan kerana ingin mendapatkan pendapatan sampingan selain menjadikannya sebagai sumber pendapatan alternatif terutama sekali semasa program Tebang dan Tanam Semula dilakukan. Walaupun aktiviti-aktiviti industri pembuatan yang wujud di tapak kajian adalah sedikit jumlahnya, namun ianya masih mampu menimbulkan beberapa masalah khususnya dari segi perletakan dan juga taburan aktiviti industri tersebut. Oleh itu, suatu perancangan yang bersistematik dan bersepadu samada dari aspek sosial mahupun fizikal haruslah diambil dan dilaksanakan oleh mana-mana pihak berwajib khasnya pihak FELDA. Dengan kerjasama yang terjalin antara semua pihak ini, maka matlamat untuk melihat aktiviti industri pembuatan berkembang maju dan jumlah penyertaan peneroka semakin bertambah akan dapat dicapai.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	x
Senarai Gambar Foto	xi
Senarai Singkatkata	xii
Senarai Lampiran	xiii

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1	Pengenalan	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Kenyataan Masalah	3
1.2.1	Pendapatan Tidak Tetap	3
1.2.2	Kurang Galakan	3
1.2.3	Tiada Tapak Khusus	3
1.2.4	Susah Dapatkan Khidmat Nasihat dan Penerangan	3
1.2.5	Masalah Pembiayaan dan Pinjaman Kewangan	3
1.3	Tujuan Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Skop Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Pendekatan Kajian	7
1.7.1	Peringkat Pertama	8
1.7.2	Peringkat Kedua	9
1.7.3	Peringkat Ketiga	10
BAB 2	KAJIAN TEORITIKAL	12
2.1	Pengenalan	13
2.2	Definisi	13
2.2.1	Penempatan Semula	13
2.2.2	Peneroka FELDA	13
2.2.3	Luar Bandar	14
2.2.4	Industri	14
2.2.5	Industri Pembuatan	15

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Selepas negara kita mencapai kemerdekaan khususnya akhir tahun 60-an dan awal 70-an, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk mewujudkan keseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dengan luar bandar. Selain itu, dalam masa yang sama kerajaan cuba untuk mengurangkan jurang perbezaan khususnya dari sudut sosio-ekonomi dan taraf hidup golongan bumiputera dengan bukan bumiputera. Untuk mencapai kedua-dua matlamat tersebut, kerajaan telah mengambil pendekatan yang optimis dengan mewujudkan sebuah agensi yang bertanggungjawab secara langsung dalam program-program penempatan semula bumiputera dan dalam masa yang sama melaksanakan projek-projek pembangunan tanah serta pembangunan masyarakat. Agensi yang dimaksudkan itu ialah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau lebih dikenali sebagai FELDA yang telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 (Tunku Shahrul Bahrin & Lee Boon Theng. 1988),

Bertepatan dengan tujuan dan matlamat penubuhannya, FELDA telah memberikan penumpuannya untuk program pembangunan tanah dan penempatan semula golongan bumiputera khususnya di kawasan luar bandar. Untuk tujuan ini, FELDA telah bertindak mewujudkan skim-skim